



19 November 2022
19 November 2022
P.U. (B) 571

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS MEMBATALKAN NOTIS PILIHAN RAYA

NOTICE TO COUNTERMAND THE NOTICE FOR POLL

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PILIHAN RAYA 1958

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENJALANAN PILIHAN RAYA) 1981

[Subperaturan 11(6)]

**NOTIS UNTUK MEMBATALKAN NOTIS PILIHAN RAYA
BERTARIKH 20 OKTOBER 2022 MENURUT SUBPERATURAN 11(6)
DAN UNTUK MENETAPKAN TARIKH-TARIKH BAHARU PILIHAN RAYA**

BAHAWASANYA Dewan Negeri bagi Negeri Pahang telah menjadi kosong berikutan dengan pembubaran Dewan tersebut pada 14 Oktober 2022 oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang:

DAN BAHAWASANYA Suruhanjaya Pilihan Raya telah mengeluarkan writ pilihan raya pada 20 Oktober 2022 kepada Pegawai Pengurus semua Bahagian Pilihan Raya Negeri bagi Dewan Negeri dalam Negeri Pahang dan dalam writ itu dinyatakan bahawa hari penamaan bagi setiap satu bahagian pilihan raya itu adalah pada 5 November 2022 dan bahawa jika sekiranya pilihan raya itu dipertandingkan, maka hari mengundi awal ialah pada 15 November 2022 dan hari mengundi ialah pada 19 November 2022 dan notis mengenai writ itu telah sempurna disiarkan pada 20 Oktober 2022:

DAN BAHAWASANYA telah ditunjukkan hingga memuaskan Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa Bahagian Pilihan Raya Negeri N.42 Tioman dalam Negeri Pahang, setelah pilihan raya itu dilaporkan sebagai dipertandingkan, seorang daripada calon-calon yang dinamakan, Md Yunus bin Ramli meninggal dunia pada 19 November 2022:

OLEH YANG DEMIKIAN ADALAH DIBERITAHU bahawa menurut subperaturan 11(6) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981, Suruhanjaya Pilihan Raya membatalkan notis pilihan raya bagi Bahagian Pilihan Raya Negeri N.42 Tioman dalam Negeri Pahang bertarikh 20 Oktober 2022:

DAN SELANJUTNYA ADALAH DIBERITAHU bahawa menurut subperaturan 11(6), Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan 24 November 2022 sebagai hari penamaan, 3 Disember 2022 sebagai hari mengundi awal dan 7 Disember 2022 sebagai hari mengundi bagi Bahagian Pilihan Raya Negeri N.42 Tioman dalam Negeri Pahang:

Dengan syarat bahawa penamaan semula tidak perlu bagi calon-calon yang berkelayakan yang sah dinamakan pada tarikh yang diberitahu ini.

Bertarikh 19 November 2022
[SPR(S)600-4/1/61; PN(PU2)178C/JLD. 101]

Dengan perintah Suruhanjaya Pilihan Raya

DATO' INDERA IKMALRUDIN BIN ISHAK
Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya

ELECTIONS ACT 1958

ELECTIONS (CONDUCT OF ELECTIONS) REGULATIONS 1981

[Subregulation 11(6)]

**NOTICE TO COUNTERMAND THE NOTICE FOR POLL DATED
THE 20TH OCTOBER 2022 PURSUANT TO SUBREGULATION 11(6)
AND TO APPOINT FRESH DATES FOR ELECTION**

WHEREAS the Legislative Assembly of the State of Pahang has become vacant in consequence of its dissolution on 14 October 2022 by the Regent of Pahang:

AND WHEREAS the Election Commission issued writs on 20 October 2022 to the Returning Officers of all the State Constituencies for the Legislative Assembly of the State of Pahang and in such writs specified that the day of nomination in respect of each such constituency was 5 November 2022 and that in the event of a contested election, advance polling day shall be 15 November 2022 and polling day shall be 19 November 2022 and notice of such writs was duly published on 20 October 2022:

AND WHEREAS it has been shown to the Election Commission's satisfaction that in the State Constituency of N.42 Tioman in the State of Pahang, after the election has been reported as contested, one of the candidates nominated, Md Yunus bin Ramli died on 19 November 2022:

TAKE NOTICE THEREFORE that pursuant to subregulation 11(6) of the Elections (Conduct of Elections) Regulations 1981, the Election Commission countermands the notice of the poll for the State Constituency of N.42 Tioman in the State of Pahang dated 20 October 2022:

AND FURTHER TAKE NOTICE that pursuant to the said subregulation 11(6), the Election Commission appoints 24 November 2022 to be the day of nomination, 3 December 2022 to be advance polling day and 7 December 2022 to be the polling day in respect of election to the State Constituency of N.42 Tioman in the State of Pahang:

Provided that no fresh nomination shall be necessary in the case of qualified candidates who stand nominated as at the date hereof.

Dated 19 November 2022
[SPR(S)600-4/1/61; PN(PU2)178C/JLD. 101]

By order of the Election Commission

DATO' INDERA IKMALRUDIN BIN ISHAK
Secretary of the Election Commission